

## BAB KEENAM

### RUMUSAN

Aspek penggunaan menjadi perkara utama kajian bagi melihat perbandingan yang wujud antara ekonomi konvensional dan Islam. Hakikat sebenar amalan aktiviti ekonomi Muslim khususnya dalam bidang penggunaan, banyak terpengaruh dengan sistem kapitalis. Justeru itu falsafah, etika, matlamat dan cara-cara hidup berekonomi umat Islam terpesong jauh daripada syariat Islam yang sebenar. Harapan untuk mencapai kesejahteraan sebenar daripada aktiviti penggunaan gagal disebabkan pengukuran kesejahteraan dalam sistem kapitalis berasaskan kebendaan dan kepuasan semata-mata. Pokoknya sistem ekonomi Islam yang memiliki teori dan praktikal yang selari dengan kehendak fitrah manusia mampu memberi jawapan yang adil kepada aktiviti penggunaan. Ekonomi Islam menjadikan kebendaan dan kerohanian sama penting dan berupaya melahirkan pengguna sejahtera dan tunduk kepada kekuasaan Allah. Keadaan ini dapat memperteguhkan keyakinan bahawa Ekonomi Islam adalah sistem ekonomi sejagat. Ini kerana ekonominya praktikal untuk pembangunan dan pertumbuhan yang baik bagi operasi dalam kehidupan dunia dan akhirat. Teguhnya Ekonomi Islam kerana asasnya teguh misalnya diikat dengan falsafah tauhid yang menjadi keyakinan bagi setiap individu Muslim dan mampu mempengaruhi individu (*non Muslim*) yang mengkaji, menyelidiki dan menelitinya.

Kajian mendapati bahawa ekonomi konvensional pada asalnya mempunyai prinsip asas dalam ideologi agama yang mantap. Ia secara mendadak berubah apabila berlakunya Revolusi Industri di barat pada lewat abad ke-18, apabila unsur-unsur agama dan ideologi mula ditinggalkan. Sumber rujukan ilmu ekonomi konvensional mula tertumpu kepada pengamatan empirikal dan pengolahan akal semata-mata. Sebaliknya sumber ilmu ekonomi Islam tidak sahaja terhad kepada dua perkara tersebut malah melibatkan juga institusi dan sumber utama iaitu Wahyu Ilahi. Kedudukan ini memberi implikasi yang besar kepada perbezaan antara kedua-dua disiplin ekonomi konvensional dan Islam. Meskipun Islam dalam banyak hal, memuliakan akal, namun ia tidaklah sampai ke tahap untuk memberikan kebebasan menentukan segala-galanya berkaitan dengan kehidupan. Dalam perspektif Islam, sumber ilmu yang mutlak hanya Wahyu Ilahi. Segala sumber ilmu yang lain mesti tunduk kepadanya. Oleh kerana disiplin ekonomi konvensional meletakkan akal pada tahap yang paling tinggi, maka sudah semestinya, perjalanan aktiviti ekonomi hanya tertakluk kepada ketetapan akal manusia semata-mata tanpa sebarang campurtangan agama di dalamnya.

Prinsip asas ekonomi konvensional juga berpaksikan kebendaan dan kepuasan dengan panduan akal semata-mata. Ekonomi Islam menggunakan akal berpandukan wahyu Ilahi. Penerimaan wahyu Ilahi sebagai sumber ilmu yang mutlak bukanlah sekadar untuk maksud pembangunan sumber ekonomi tetapi ia adalah tuntutan akidah Islam itu sendiri. Jelaslah bahawa kewujudan sistem ekonomi Islam adalah bertunjangan tauhid dan dengannya dapat menyedarkan manusia akan hakikat kewujudan Allah sebagai rujukan segala-galanya. Ini termasuklah bidang ekonomi yang memerlukan syariat bagi memandu

manusia memikul amanah dan tanggungjawab dalam pengendalian harta serta sumber-sumber yang menjadi kepunyaan Allah.

Manusia merupakan objek utama dalam aktiviti kepenggunaan. Manusia merupakan gelagat penting memberi rangsangan kepada pertumbuhan ekonomi. Ekonomi konvensional mengutarakan falsafah melihat manusia sebagai kejadian mementingkan diri sendiri mampu merangsang persaingan dalam pengeluaran barangan termasuk jumlah kuantiti yang masyarakat perlu dan paras harga yang sanggup dibayar oleh masyarakat. Manusia berkepentingan menjadi ukuran kejayaan ekonomi atau dikenali (*economic man*), berbeza dengan ekonomi Islam yang meletakkan kejayaan individu ekonomi bergantung kepada bantuan dan pertolongan individu-individu lain yang ada dalam masyarakat. Manusia yang berkepentingan diri akan hanya mewujudkan jurang yang ketara dalam masyarakat kerana golongan berkemampuan akan menyekat peluang golongan tidak berkemampuan untuk melakukan aktiviti penggunaan. Ekonomi Islam berusaha membentuk manusia sebagai khalifah Allah serta mengabdikan diri kepada Allah dan penilaian kemuliaannya berdasarkan kualiti taqwa dan akhlak yang tinggi bukannya haiwan ekonomi.

Dalam aspek penggunaan Islam individu pengguna juga tertakluk kepada hierarki keperluan utama menurut tingkatan *darūriyyāt*, *tahsīniyyāt* dan *kamāliyyāt*. Penggunaan atau perbelanjaan harta yang melebihi tingkat keperluan tahsiniyyat yang maksima adalah tergolong dalam penggunaan tercela atau *tarāfiyyāt*. Hierarki ini mestilah dipatuhi dalam

mencorakkan bentuk penggunaan seimbang dengan jumlah pendapatan yang tertentu bagi menghasilkan manfaat yang maksimum untuk diri, masyarakat dan negara.

Kajian ini juga mendapati perlakuan pengguna Muslim adalah berbeza dengan perlakuan pengguna dalam ekonomi konvensional kerana pengguna Muslim terikat dengan kehendak syariat yang menekankan aspek-aspek berikut :

- i) Halal dan haram dalam barangan dan perkhidmatan yang hendak digunakan.
- ii) Mengguna mengikut hieraki keperluan bagi membendung pembaziran.
- iii) Mengambil kira keperluan orang lain (masyarakat).
- iv) Mengambil kira tuntutan dan keperluan agama, misalnya jihad pada jalan Allah.

Dalam ekonomi konvensional, perkara utama yang ditekan dalam aspek penggunaan ialah pemaksimuman utiliti semata-mata.

Oleh kerana penggunaan dalam Islam didasari falsafah Tauhid yang perinciannya memberi perhatian kepada konsep hari akhirat, konsep al-falāḥ, konsep harta, konsep barangan dan perkhidmatan serta etika dalam pengguna, maka pemaksimuman utiliti mengikut neraca ekonomi konvensional tersebut perlulah diteliti berdasarkan kriteria-kriteria di atas.

Objektif pengguna Islam adalah untuk mencapai al-falāḥ iaitu usaha mencapai kejayaan dunia dan akhirat. Kejayaan di dunia diperolehi daripada penggunaan barangan dan perkhidmatan semasa. Kejayaan di akhirat dalam bentuk pembalasan pahala diperolehi

daripada penggunaan pendapatan lebih untuk memenuhi keperluan masyarakat melalui zakat, sedekah, derma, wakaf, hadiah dan lain-lain. Konsep al-falāh tidak boleh disamakan dengan konsep kebajikan dalam ekonomi konvensional kerana ia merujuk kepada kesejahteraan kebendaan semata-mata. Berbeza dengan al-falāh lebih merujuk kepada kesejahteraan di dunia dan di akhirat.

Persoalan kekurangan relatif memperjelaskan perbezaan kehendak manusia ekonomi dalam sistem konvensional dan Islam apabila berhadapan sumber-sumber yang terhad. Suasana ini menimbulkan masalah-masalah ekonomi. Menurut teori kapitalis keinginan dan keperluan manusia tidak ada hujungnya. Namun usaha mengatasinya perlu dilakukan dengan membangunkan sumber pengeluaran dan sentiasa menyemak sistem pengagihan. Konflik ini berlaku kerana sistem konvensional beranggapan kekurangan yang berlaku secara mutlak. Sedangkan pada ekonomi Islam ia hanya berlaku secara relatif sahaja, kerana ilmu pengetahuan yang dianugerah Allah S.W.T adalah terhad tidak mampu untuk menghitung nikmat-nikmat Allah yang terlalu banyak. Perbezaan ini terjadi kerana analisis gelagat pengguna berasaskan aspek positif semata-mata. Sedangkan ekonomi Islam menganalisis berdasarkan aspek positif yang bergantung kepada pengamatan manusia iaitu positif dan normatif yang berdasarkan nilai-nilai al-Qur'an.

Perkara-perkara yang mempengaruhi penggunaan dalam Islam adalah jauh berbeza dengan pandangan ekonomi konvensional. Meskipun Islam tidak menolak sepenuhnya pengaruh aspek yang ditekankan oleh ekonomi konvensional dalam mencorak penggunaan, Islam telah menonjolkan ciri-ciri yang lebih baik hingga dapat mengubah nilai dan tabiat pengguna.

Penggunaan seseorang individu dipengaruhi oleh kepercayaan adanya hari akhirat, pembalasan pahala harta bukannya milik peribadi sahaja tetapi ianya juga terdapat hak orang lain dan barangan serta perkhidmatan mestilah halal. Ia juga turut merangka perundangan bagi mempertahankan penggunaan seperti kes yang melibatkan *isrāf* dan *tabzīr* di mana pengguna yang terlibat boleh ditahan daripada mentadbir hartanya.

Pengguna Islam ketika membuat pilihan barangan dan perkhidmatan dipengaruhi oleh nilai etika yang telah ditetapkan oleh syarak iaitu menggunakan barangan dan perkhidmatan yang diharamkan dan memastikan penggunaan yang optima. Seseorang itu mesti bersederhana dalam penggunaan agar tidak berlaku pembaziran atau pembekuan sumber. Mutu kesucian barangan dan perkhidmatan diutamakan bagi mengelak penggunaan yang diharamkan. Penggunaan juga dikawal melalui nilai kerohanian dan akhlak yang mulia. Nilai etika ekonomi Islam tidak mengiktiraf corak penggunaan moden yang condong ke arah kebendaan semata-mata, sebaliknya juga menekankan aspek-aspek kerohanian. Penggunaan barangan dan perkhidmatan dalam ekonomi konvensional juga adalah berlebihan kerana menurut kehendak nafsu yang bersifat tidak cukup dengan apa yang ada. Oleh itu, keutamaan pengguna konvensional adalah bertujuan untuk kehidupan yang selesa dan mewah.

Aspek hak pengguna juga terdapat perbezaan ketara antara sistem kapitalis dan Islam. Dalam sistem ekonomi Islam pengguna mempunyai hak tersendiri tertakluk kepada had-had perundangan yang telah sedia ada di dalam al-Qu'rān dan as-Sunnah supaya ianya tidak menjejaskan proses peruntukan sumber dan mengancam kepentingan umum.

Bagi sistem ekonomi kapitalis, kebebasan individu dan sektor swasta adalah diutamakan. Sistem ekonomi ini sangat menggalakkan pemaksimuman untung, di mana sistem pasaran mereka beroperasi secara bebas tanpa kongkongan dari mana-mana pihak. Kebebasan individu adalah hak yang mutlak dan tiada had langsung yang dikenakan. Manakala dalam sistem ekonomi sosialis pula mengamalkan sistem pemerintahan pusat dengan semua operasi ekonomi dikawal oleh kerajaan. Ini bermakna kebebasan individu tidak terdapat di dalam sistem ekonomi sosialis.

Dalam ekonomi Islam, pengguna mempunyai hak dan kedaulatan pengguna. Walau bagaimanapun, kerajaan mempunyai kuasa untuk menghadkan pengeluaran barangan yang diminta oleh pengguna bergantung kepada jenis dan keperluan barangan untuk kepentingan umum. Pengguna mempunyai hak untuk memenuhi keperluan barangan dan perkhidmatan setakat taḥsīniyyāt dan kamāliyyāt sahaja, di mana pembaziran dielakkan. Sebagai contohnya penggunaan barangan mewah boleh dihadkan penggunaannya oleh kerajaan ketika kemelesetan ekonomi bagi tujuan pemulihan. Pengguna barangan mewah mesti dikurangkan untuk meningkatkan tabungan dan seterusnya memulihkan keadaan ekonomi. Ianya juga untuk menjaga kemaslahatan umum bagi mengelakkan daripada keadaan yang lebih buruk lagi berlaku.

Kedadaan ini amat berbeza dengan sistem ekonomi kapitalis yang memberikan hak sepenuhnya kepada pengguna bagi menentukan barangan yang mereka kehendaki. Ini memberikan kesan kepada ketidakcekapan ekonomi. Sebaliknya apa yang berlaku dalam

sistem ekonomi sosialis dan komunis, hak pengguna adalah dihapuskan. Kuasa pengguna dipegang oleh kerajaan di mana pengguna hanya mencrima apa sahaja jenis dan jumlah barangan yang telah diperuntukkan oleh pemerintah. Ini dapat dikatakan dengan jelas bahawa ekonomi Islam adalah lebih sempurna kerana corak penggunaannya menggalakkan kepada penggunaan sumber yang terbaik

Teori-teori yang dikemukakan oleh ahli ekonomi Islam di dalam penggunaan adalah lebih realistik dan kukuh berbanding teori-teori yang dikemukakan oleh ahli ekonomi konvensional. Rasionaliti dalam ekonomi Islam adalah apabila seseorang pengguna membuat keputusan untuk melakukan penggunaan bagi mendapatkan kepuasan dalam usaha mereka untuk memenuhi keperluan barangan dan perkhidmatan berpandukan kepada logik akal yang berdasarkan kepada wahyu. Ekonomi konvensional mengatakan rasionaliti adalah apabila seseorang membuat keputusan tentang penggunaan berdasarkan logik akal untuk memenuhi kehendaknya serta memaksimumkan kepuasan daripada pengguna tersebut.

Kajian mendapati individu pengguna dalam konteks teori gelagat pengguna, secara fitrah memiliki perasaan tamak dan gelojoh terhadap harta dan kebendaan. Sebab itulah teori gelagat pengguna dalam ekonomi konvensional menjadikan konsep rasionaliti dan utiliti asas penting dalam sesuatu keputusan ekonomi. Manusia yang rasional dan memperoleh tahap utiliti yang tinggi merupakan individu yang meletakkan gelagat pengguna selaras dengan set keutamaan memilih serta merebut peluang yang terbaik bagi dirinya. Keinginan pribadi terus dimaksimumkan dengan semangat individualistik dan materialistik semata-mata berorientasikan untung dan kepuasan yang tinggi. Akibatnya

sumber-sumber ekonomi digunakan dengan banyaknya. Keperluan sebenar tidak menjadi asas pengukuran permintaan mereka. Ini adalah kerana ekonomi konvensional mengutamakan sistem pasaran yang semata-mata memikirkan permintaan berkesan yang disokong oleh wang dan status. Motif dan matlamat gelagat pengguna pula semata-mata untuk mendapat keuntungan peribadi, persaingan dan kebebasan yang mutlak. Sebaliknya matlamat pengguna muslim ialah mencapai kesejahteraan dan kemenangan di dunia dan di akhirat. Unsur-unsur percayakan alam akhirat, konsep kejayaan, harta, etika dan konsep barangan dan perkhidmatan menjadi teras pada pengaruh gelagat pengguna muslim.

Konsep penggunaan yang benar-benar selari dengan kehendak Islam memerlukan pembinaan sistem ekonomi Islam yang mantap. Ini berhajatkan pembinaan individu dan masyarakat yang benar-benar memahami taşawwūr Islam, iaitu agama yang meliputi semua aspek kehidupan termasuk bidang ekonomi. Selagi agama dilihat secara cacat iaitu menafikan kewujudan bidang ekonomi di dalamnya, maka sukarlah penyelesaian.

Justeru itu pembangunan diri manusia dengan memenangi kualiti-kualiti individu sempurna, berimbang, teratur, memiliki konsep-konsep hidup yang jelas dan memenangi konsep-konsep kepercayaan yang benar maka akan lahir kegiatan-kegiatan dan tindakan yang bertamaddun dalam semua kegiatan hidup.

Dalam Islam, faktor perubahan diri dan peribadi manusia yang paling berkesan dan penting ialah faktor aqidah, keimanan dan idoclogi. Tingkahlaku atau tindakan-tindakan manusia adalah bayangan daripada konsep-konsep kepercayaan yang dimilikinya. Perkembangan

dan pembinaan individu pula biasanya amat terpengaruh dengan suasana masyarakat yang ia terdedah. Individu tidak akan menjadi baik melainkan jika ia berada di dalam sesebuah masyarakat yang dapat membantu pertumbuhannya secara sihat dan sempurna dalam segala aspek. Lantaran itulah betapa penting penghayatan agama sebagai asas pembinaan masyarakat. Di antara asas itu ialah :

- i) Kemurnian aqidah dan ketaatan kepada Allah s.w.t dan Rasulnya s.a.w.
- ii) Penghayatan ibadat.
- iii) Kemantapan ilmu.
- iv) Pengajaran syariah.
- v) Keluhuran akhlak nilai kemanusiaan.
- vi) Mclaksanakan amar ma'rūf dan nahi mungkar.

Justeru pembuat dasar ekonomi negara perlu diberi peluang mendalami syariat Islam. Walaupun latarbelakang pendidikan mereka adalah sekular, namun kewibawaan mereka dalam bidang akademik adalah tinggi. Ini memudahkan mereka membuat perbandingan antara ilmu syariat dan bidang ekonomi. Dengan lain perkataan pakar-pakar ekonomi, pembuat dasar perlu digandingkan dengan ulamak yang muktabar menerusi diskusi ilmu, khususnya ilmu ekonomi Islam di dalam bengkel, seminar, simposium dan juga pembentangan kertas kerja. Langkah ini penting untuk membina masyarakat yang berilmu di pelbagai peringkat untuk menyuburkan benih-benih kefahaman ekonomi Islam.

Pusat-pusat pengajian tinggi perlu proaktif dalam menjalankan kajian penyelidikan dengan membuka peluang pada pelajar IPT memahami ekonomi Islam di peringkat ijazah, sarjana, serta ke peringkat doktor falsafah. Ini memerlukan pihak universiti menawarkan kursus-kursus ekonomi Islam secara wajib serta mengambilkira dalam keputusan di peringkat peperiksaan IPT, ke arah melahirkan graduan-graduan yang pakar dalam bidang ekonomi Islam serta memberi sumbang bakti kepada masyarakat dan negara.